Rujukan: MCMC/DSA.001/2024

SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

PERINTAH PENTADBIRAN BERHUBUNG TERMA DAN SYARAT JURUAUDIT YANG LAYAK DAN BERDAFTAR DI BAWAH PERATURAN 41 PERATURAN-PERATURAN TANDATANGAN DIGITAL 1998 BILANGAN 1 TAHUN 2024

(Perintah Pentadbiran Bil. 1 Tahun 2024)

TUJUAN

Perintah Pentadbiran Berhubung Terma dan Syarat Juruaudit Yang Layak dan Berdaftar di bawah peraturan 41 Peraturan-Peraturan Tandatangan Digital 1998 ("PTD 1998"), Bilangan 1 Tahun 2024 ("Perintah Pentadbiran Bil. 1 Tahun 2024") ini dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ("Suruhanjaya") berdasarkan peraturan 84 PTD 1998. Perintah Pentadbiran Bil. 1 Tahun 2024 ini bertujuan untuk menggariskan terma dan syarat yang perlu dipatuhi oleh juruaudit yang memenuhi kriteria kelayakan dan yang telah didaftarkan sebagai juruaudit yang layak di bawah peraturan 41 PTD 1998 ("Juruaudit Yang Layak") .

LATAR BELAKANG

1. Satu garis panduan bertajuk *Guideline for the Qualification and Registration of Auditors - Digital Signature* ("Garis Panduan Pendaftaran Juruaudit") telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya pada tahun 2023 bertujuan untuk menjelaskan kriteria kelayakan yang diambil kira berdasarkan peraturan 41 PTD 1998 dalam menilai juruaudit untuk didaftarkan dengan Suruhanjaya bagi menjalankan aktiviti-aktiviti audit pematuhan berdasarkan kehendak Akta Tandatangan Digital 1997 ("ATD 1997") dan PTD 1998.

www.mcmc.gov.my | T+60 3 8688 8318 | F+60 3 8688 1101 | chairman@mcmc.gov.my

KEPERLUAN

2. Perintah Pentadbiran Bil. 1 Tahun 2024 ini digubal untuk menyatakan terma dan syarat yang perlu dipatuhi oleh Juruaudit Yang Layak sepanjang tempoh sah pendaftarannya. Terma dan syarat tersebut termasuklah maklumat mengenai tanggungjawab Juruaudit Yang Layak terhadap skop tatacara, prosedur dan pelaksanaan aktiviti audit pematuhan dan penyediaan laporan audit menurut peraturan-peraturan 42 dan 43 PTD 1998. Ini adalah supaya pelaksanaan audit pematuhan dan laporan audit yang dikeluarkan akan menjadi lebih seragam dan terkawal.

TEMPOH PENDAFTARAN

3. Juruaudit Yang Layak akan didaftarkan dengan Suruhanjaya di bawah peraturan 41 PTD 1998 bagi tempoh tiga (3) tahun berkuatkuasa sepertimana yang dinyatakan di dalam surat lantikan yang dikeluarkan.

TANGGUNGJAWAB JURUAUDIT YANG LAYAK

4. Juruaudit Yang Layak hendaklah memastikan pematuhan berterusan terhadap peruntukan-peruntukan yang ditetapkan di bawah ATD 1997 dan PTD 1998.

5. Juruaudit Yang Layak tidak boleh mengendalikan sebagai atau dengan apa-apa cara mengambil bahagian dalam pengendalian atau terlibat dalam pihak berkuasa pemerakuan, repositori atau perkhidmatan penanda tarikh/masa mengikut subperaturan 41(4) PTD 1998.

6. Juruaudit Yang Layak hendaklah pada setiap masa mematuhi syarat kelayakan di bawah peraturan 41 PTD 1998 dan tidak terlibat di dalam keadaan yang boleh menyebabkan pembatalan pendaftarannya.

www.mcmc.gov.my | T + 60 3 8688 8318 | F + 60 3 8688 1101 | chairman@mcmc.gov.my

7. Juruaudit Yang Layak atau firma auditnya hendaklah segera memaklumkan kepada Suruhanjaya sekiranya tidak lagi memenuhi syarat kelayakan yang digariskan di bawah peraturan 41 PTD 1998 dan kelayakan seperti berikut:

7.1. juruaudit dari firma audit yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 dan berdaftar sebagai ahli Institut Akauntan Malaysia ("MIA");

7.2. akauntan awam bertauliah atau dikenali juga sebagai akauntan bertauliah yang mempunyai kepakaran dalam keselamatan komputer, dan berdaftar di bawah Akta Akauntan 1967; atau

7.3. ahli profesional keselamatan komputer bertauliah dengan salah satu pensijilan profesional seperti berikut:

i. *Information Security Management System Lead Auditor* ("ISMS");
ii. *Certified Information Systems Auditor* ("CISA");
iii. *Certified Information Systems Security Professional* ("CISSP"); atau
iv. Mana-mana pensijilan profesional keselamatan maklumat yang setara dan dikeluarkan oleh persatuan profesional yang diiktiraf di peringkat antarabangsa atau sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

7.4. mempunyai kelayakan pengajian tertiari dalam sains komputer/ teknologi maklumat, perakaunan, atau apa-apa kelayakan lain yang dianggap berkaitan dan diterima oleh Suruhanjaya;

7.5. mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman dalam sistem maklumat komputer yang dipercayai, persekitaran rangkaian telekomunikasi yang dipercayai, dan prinsip, amalan dan teknik audit profesional yang berkaitan dengan keperluan yang digunakan untuk audit;

7.6. mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman dalam teknologi (iaitu, Prasarana Kunci Awam ("PKI")), piawaian dan amalan tandatangan digital;

www.mcmc.gov.my | T + 60 3 8688 8318 | F + 60 3 8688 1101 | chairman@mcmc.gov.my

7.7. berpengalaman menjalankan audit selama dua (2) tahun dari tarikh permohonan;

7.8. menunjukkan pengetahuan yang baik tentang kehendak ATD 1997 dan PTD 1998;

7.9. menunjukkan pengetahuan tentang garis panduan-garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dibawah peraturan 85 PTD 1998; dan

7.10. tidak melakukan perkara yang membatalkan pendaftaran sebagai Juruaudit Yang Layak seperti yang dinyatakan dalam perenggan 23 hingga 27 Perintah Pentadbiran Bil. 1 Tahun 2024 ini.

8. Juruaudit Yang Layak hendaklah memaklumkan kepada Suruhanjaya dengan segera jika mengalami sebarang kesulitan untuk mematuhi Perintah Pentadbiran Bil. 1 Tahun 2024 ini dan menjalankan audit pematuhan sepanjang tempoh pendaftarannya.

9. Juruaudit Yang Layak hendaklah mengekalkan piawaian kelakuan profesional yang tinggi pada setiap masa semasa melaksanakan audit pematuhan. Selain itu, Juruaudit Yang Layak juga hendaklah mematuhi kod etika yang digariskan dalam Perintah Pentadbiran Bil. 1 Tahun 2024 ini dan juga kod etika di bawah badan profesional atau pihak berkuasa kawal selia yang juga mentadbir juruaudit tersebut.

KOD ETIKA

10. Juruaudit Yang Layak hendaklah bertindak secara profesional, tekun, dan mengekalkan kejujuran dan kesaksamaan, mematuhi ATD 1997 dan PTD 1998, memberikan pendedahan yang diperlukan dan terus meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka untuk menyediakan perkhidmatan yang sejajar dengan perkembangan semasa dalam amalan, perundangan dan teknik, sambil mengelakkan tindakan yang memburukkan profesion.

www.mcmc.gov.my | T + 60 3 8688 8318 | F + 60 3 8688 1101 | chairman@mcmc.gov.my

11. Juruaudit Yang Layak hendaklah mengekalkan kebebasan dan objektiviti dengan mengutamakan kesaksamaan dan pertimbangan profesional, mengelakkan berat sebelah, konflik kepentingan atau pengaruh yang tidak wajar. Potensi konflik kepentingan dengan pihak yang diaudit perlu didedahkan dan sebarang bentuk hadiah atau dorongan yang boleh menjejaskan kebebasan perlu ditolak serta mengelak daripada terlibat dalam aktiviti atau perhubungan yang boleh menjejaskan pertimbangannya.

12. Juruaudit Yang Layak bertanggungjawab dalam memastikan kerahsiaan maklumat yang diterima semasa menjalankan audit pematuhan dan keputusan serta dapatan dari audit pematuhan.

13. Juruaudit Yang Layak hendaklah mengekalkan profesionalisme dengan mempamerkan kejujuran, ketelitian, dan keterusterangan dalam semua hubungan profesional dan perniagaan, terutamanya semasa aktiviti audit pematuhan. Ketekalan, ketepatan, kesempurnaan, dan perbezaan yang jelas antara fakta dan pendapat dalam laporan audit hendaklah dipastikan sambil menjalankan audit pematuhan dengan teliti, tekun, hormat dan cekap.

TATACARA UNTUK AUDIT PEMATUHAN

14. Juruaudit Yang Layak hendaklah memastikan bahawa proses audit pematuhan yang dijalankan terhadap pihak yang akan diaudit adalah selaras dengan syarat dan keperluan yang terdapat di dalam:

14.1. ATD 1997;

14.2. PTD 1998;

14.3. syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya bersama-sama lesen dan/atau perakuan pengiktirafan yang diberikan;

www.mcmc.gov.my | T + 60 3 8688 8318 | F + 60 3 8688 1101 | chairman@mcmc.gov.my

14.4. arahan dan perintah pentadbiran yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya mengikut peraturan 84 PTD 1998 bagi menjelaskan peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di dalam ATD 1997 dan PTD 1998; dan

14.5. garis panduan-garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya mengikut peraturan 85 PTD 1998 bagi menjelaskan peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di dalam ATD 1997 dan PTD 1998.

15. Juruaudit Yang Layak boleh menggunakan kriteria penilaian audit pematuhan yang lebih ketat sekiranya ianya diperlukan untuk mengekalkan keselamatan, kebolehpercayaan, dan memastikan penilaian pematuhan yang lebih menyeluruh terhadap pihak yang diaudit.

16. Juruaudit Yang Layak boleh menggunakan kriteria penilaian tambahan sewaktu menjalankan audit pematuhan seperti yang diminta oleh pihak yang akan diaudit. Ini adalah sekiranya pihak yang akan diaudit memilih untuk mendapatkan pensijilan tambahan hasil daripada pelaksanaan audit pematuhan tersebut, sebagai contoh pensijilan dibawah *WebTrust, Electronic Identification, Authentication and Trust Services ("eIDAS")* atau sebarang pensijilan lain yang setaraf atau berkaitan.

17. Juruaudit Yang Layak hendaklah mengeluarkan notis bertulis kepada pihak yang akan akan diaudit sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum menjalankan aktiviti audit pematuhan berdasarkan perkara-perkara berikut:

17.1 Juruaudit Yang Layak hendaklah memastikan sesalinan notis bertulis berhubung pelaksanaan audit pematuhan tersebut turut diserahkan kepada pihak Suruhanjaya sebagai makluman; dan

17.2 Juruaudit Yang Layak hendaklah memastikan bahawa notis bertulis berhubung pelaksanaan audit pematuhan tersebut mengandungi, tetapi tidak terhad kepada, perkara-perkara berikut:

(a) Takrifan yang jelas tentang tujuan dan skop audit pematuhan, dengan menyatakan bahagian atau proses yang perlu diaudit;

www.mcmc.gov.my | T + 60 3 8688 8318 | F + 60 3 8688 1101 | chairman@mcmc.gov.my

(b) Jadual pelaksanaan audit pematuhan, termasuk tarikh dan masa yang dirancang untuk aktiviti audit pematuhan termasuk, tarikh permulaan dan tarikh selesai aktiviti audit pematuhan;

(c) Komposisi ahli kumpulan audit yang akan terlibat, termasuk juruaudit utama dan senarai juruaudit lain (termasuk pemerhati, sekiranya ada) beserta dengan peranan, tanggungjawab dan kelayakan mereka; dan

(d) Pendekatan, kaedah dan teknik yang akan digunakan semasa pelaksanaan sesi audit pematuhan, termasuk temu bual, semakan dokumen dan pemerhatian.

18. Juruaudit Yang Layak hendaklah dalam masa empat belas (14) hari daripada tarikh selesainya pelaksanaan audit pematuhan berdasarkan tatacara seperti yang diperuntukkan di bawah peraturan 42 PTD 1998, menyerahkan laporan audit secara bertulis kepada pihak Suruhanjaya.

19. Juruaudit Yang Layak hendaklah memastikan bahawa laporan audit berkenaan disediakan mengikut keperluan seperti yang digariskan dalam peraturan 43 PTD 1998 termasuk keputusan audit pematuhan di dalam bentuk pengelasan pematuhan mengikut peraturan 42 PTD 1998.

20. Juruaudit Yang Layak boleh mengeluarkan laporan audit dalam format khusus jika pihak yang diaudit memilih untuk mendapatkan pensijilan tambahan, dan memerlukan penyediaan laporan audit pematuhan dalam format tertentu. Namun begitu, semua maklumat yang terkandung dalam laporan audit tersebut hendaklah mengikut keperluan yang digariskan dalam peraturan-peraturan 42 dan 43 PTD 1998.

21. Juruaudit Yang Layak hendaklah memastikan laporan audit yang dikeluarkan ditandatangani sendiri sebagai juruaudit yang utama yang mengetuai aktiviti pelaksanaan audit pematuhan tersebut.

www.mcmc.gov.my | T+60 3 8688 8318 | F+60 3 8688 1101 | chairman@mcmc.gov.my

PEMBAHARUAN PENDAFTARAN

22. Juruaudit Yang Layak boleh memohon untuk pembaharuan pendaftarannya sekurang-kurangnya tiga puluh (30), tetapi tidak lebih dari enam puluh (60) hari, sebelum tarikh habisnya tempoh pendaftarannya itu dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen dan maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya sepertimana yang dijelaskan di dalam Garis Panduan Pendaftaran Juruaudit.

PEMBATALAN PENDAFTARAN OLEH SURUHANJAYA

23. Suruhanjaya boleh membatalkan pendaftaran mana-mana Juruaudit Yang Layak dalam mana-mana keadaan berikut:

23.1. melakukan kesalahan di bawah mana-mana undang-undang Malaysia atau yang melibatkan perkara berikut:

(a) mempunyai sebarang hubungan semasa atau terancang berkaitan kewangan, undang-undang, atau lain-lain, yang berkemungkinan menjejaskan objektiviti atau kebebasan selain daripada selaku juruaudit dan pihak yang diaudit;

(b) pernah disabitkan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, atas apa-apa kesalahan yang melibatkan penipuan, pelanggaran kewajipan fidusiari, penyataan palsu, kecuaian profesional, atau penipuan yang boleh dihukum jika disabitkan dengan pemenjaraan selama tiga (3) bulan atau lebih;

(c) pernah dipenjarakan atas apa-apa kesalahan yang disebut dalam tempoh lima (5) tahun sebelum tarikh pendaftaran ini;

(d) dikenakan sebarang tindakan tatatertib atau prosiding kerana kelakuan tidak profesional oleh mana-mana badan profesional atau pihak berkuasa kawal selia; dan

(e) pernah ditolak keahlian atau digantung keahlian dalam mana-mana persatuan akauntan yang diiktiraf atau mana-mana badan profesional yang berkaitan.

www.mcmc.gov.my | T+60 3 8688 8318 | F+60 3 8688 1101 | chairman@mcmc.gov.my

23.2. gagal mematuhi keperluan dan kehendak yang ditetapkan di bawah ATD 1997 dan PTD 1998;

23.3. tidak lagi memenuhi mana-mana kriteria kelayakan di bawah peraturan 41 PTD 1998 sepertimana yang diperjelaskan di bawah perenggan 7 Perintah Pentadbiran Bil. 1 Tahun 2024 ini.

23.4. memperolehi pendaftaran sebagai Juruaudit Yang Layak dengan membuat representasi atau pengisytiharan palsu atau mengelirukan (lisan atau bertulis); dan/atau

24. Juruaudit Yang Layak yang terjejas akan diberikan notis bertulis oleh Suruhanjaya mengenai pembatalan pendaftarannya ("Notis Pemberitahuan Pembatalan").

25. Juruaudit Yang Layak yang terjejas boleh membuat pernyataan bertulis kepada Suruhanjaya dalam tempoh yang ditetapkan oleh Suruhanjaya dalam tempoh tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari dari tarikh Notis Pemberitahuan Pembatalan tersebut.

26. Selepas tamat tempoh yang diberikan, Suruhanjaya boleh memutuskan tindakan seterusnya, dengan mengambil kira apa-apa pernyataan bertulis yang dibuat oleh Juruaudit Yang Layak.

27. Sekiranya keputusan pembatalan diteruskan, Juruaudit Yang Layak yang terjejas akan diberikan notis bertulis oleh Suruhanjaya ("Notis Pembatalan Pendaftaran"), mengenai pembatalan pendaftarannya yang akan berkuat kuasa dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh serahan Notis Pembatalan Pendaftaran.

www.mcmc.gov.my | T + 60 3 8688 8318 | F + 60 3 8688 1101 | chairman@mcmc.gov.my

PERMOHONAN PEMBATALAN PENDAFTARAN OLEH JURUAUDIT YANG LAYAK

28. Juruaudit Yang Layak boleh melalui notis bertulis ("Notis Permohonan Pembatalan"), membatalkan pendaftarannya dengan Suruhanjaya pada bila-bila masa. Pembatalan itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh Suruhanjaya menerima Notis Permohonan Pembatalan tersebut, atau jika suatu tarikh selepas itu dinyatakan dalam Notis Permohonan Pembatalan itu, pada tarikh itu.

29. Notis Permohonan Pembatalan tidak boleh dibatalkan melainkan jika dinyatakan bahawa pembatalan itu mula berkuat kuasa pada suatu tarikh selepasnya dan sebelum tarikh itu Suruhanjaya, dengan notis secara bertulis kepada Juruaudit Yang Layak, membenarkan penyerahan itu ditarik balik.

PEMAKAIAN

30. Perintah Pentadbiran Bil. 1 Tahun 2024 ini terpakai kepada semua Juruaudit Yang Layak.

IMPLIKASI KETIDAKPATUHAN TERHADAP PERINTAH PENTADBIRAN BIL. 1 TAHUN 2024

31. Sekiranya Juruaudit Yang Layak didapati tidak mematuhi Perintah Pentadbiran Bil. 1 Tahun 2024, Suruhanjaya boleh memutuskan untuk mengambil tindakan di bawah subperaturan 84(2) PTD 1998 yang memperuntukkan bahawa ketidakpatuhan kepada arahan atau perintah yang dikeluarkan menurut subperaturan 84(1) PTD 1998 merupakan suatu kesalahan yang boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

www.mcmc.gov.my | T + 60 3 8688 8318 | F + 60 3 8688 1101 | chairman@mcmc.gov.my

TARIKH KUAT KUASA

32. Perintah Pentadbiran Bil. 1 Tahun 2024 ini berkuat kuasa mulai tarikh di bawah dan terpakai sehingga disemak, diubah, atau dibatalkan oleh Suruhanjaya.

PERTANYAAN

33. Sebarang pertanyaan mengenai Perintah Pentadbiran Bil. 1 Tahun 2024 ini boleh dikemukakan kepada:

Ketua,
Jabatan Pengurusan Penomboran dan Pengalamatan Elektronik,
Bahagian Pelesenan dan Pemantauan,
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ("MCMC"),
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6,
63000 Cyberjaya
Selangor
Emel: neamd@mcmc.gov.my

TAN SRI MOHAMAD SALIM BIN FATEH DIN
PENGERUSI
SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Tarikh: 29 JUL 2024

www.mcmc.gov.my | T + 60 3 8688 8318 | F + 60 3 8688 1101 | chairman@mcmc.gov.my